

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KE-TIGA, PENGGAL KE-DUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI TUAN GURU HAJI ABDUL
HADI AWANG (MARANG)**

SOALAN

DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk menyelesaikan masalah pendaftaran anak dan individu Orang Asal di Sabah dan Sarawak yang sehingga kini masih tiada kerakyatan sah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Selaras dengan undang-undang yang berkuat kuasa, setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia perlu didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui JPN sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan pendaftaran Sijil Kelahiran serta dokumen pengenalan diri bagi individu yang berkelayakan dapat dilaksanakan dengan mudah di seluruh negara termasuklah di kawasan luar bandar melalui inisiatif berterusan iaitu Program Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) yang merangkumi Program Pendaftaran Bergerak (*Unit Mobile*) dan *Bus Mobile*. Program-program berkenaan menyediakan pelbagai perkhidmatan termasuklah khidmat nasihat berkaitan pendaftaran Kad Pengenalan, Kelahiran dan Kematian.

Berhubung permasalahan berkaitan taraf kewarganegaraan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, antara langkah penyelesaian yang diambil oleh Kerajaan adalah melalui permohonan kewarganegaraan Malaysia. Bahagian III Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan dua (2) kaedah pemerolehan kewarganegaraan bagi individu warga asing, iaitu melalui pendaftaran atau penaturalisasian, jika telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules* 1964 [LN.82/1964] dan lain-lain yang perundangan berkaitan.

Dalam mempertimbangkan permohonan kewarganegaraan Malaysia, beban untuk membuktikan kelayakan untuk dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia pula adalah di bawah tanggungjawab setiap pemohon dan proses pertimbangan adalah tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules* 1964 [LN.82/1964] dan lain-lain yang perundangan berkaitan.

Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa syarat-syarat ini hanya melayakkan permohonan dikemukakan tetapi tidak menjamin bahawa permohonan akan diluluskan. Oleh yang demikian, jika seseorang mengaku sebagai penduduk tempatan ras asli Sarawak bertaraf

warganegara, individu berkenaan perlu mengemukakan bukti dan dokumen sokongan bahawa beliau adalah seorang warganegara Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif tambahan dalam usaha untuk menangani masalah penduduk pribumi negeri Sabah dan negeri Sarawak yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri seperti mana berikut:-

- i. Mengadakan kerjasama strategik bersama Jabatan Pendidikan Negeri dan Kerajaan Negeri melalui Ketua Kaum/Ketua Masyarakat bagi mengenal pasti murid-murid sekolah serta penduduk pribumi Sabah dan Sarawak yang masih belum memiliki dokumen pengenalan diri; dan
- ii. Mengadakan taklimat kepentingan dokumen pengenalan diri kepada semua Ketua Kaum/Ketua Masyarakat serta orang ramai secara berkala.

Sukacita diingatkan bahawa ibu bapa dan penjaga kepada individu bertaraf 'Belum Ditentukan' atau Bukan Warganegara adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan kewarganegaraan, dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal bagi mengelakkan ketiadaan dokumen pengenalan diri, keberadaan tidak sah di Malaysia dan seterusnya disalah anggap sebagai tidak memiliki kewarganegaraan dari mana-mana negara (*stateless*).